

Peristiwa yang menimbulkan keinsafan pembaca

Pantai Kasih


Peristiwa Sister Felicia mengaku kesalahannya.

Sister Felicia Landosi mengakui bahawa dia tahu kejadian sebenar peristiwa yang meragut nyawa anak perempuan Doktor Raiha. Dia juga meminta maaf kerana tidak tampil sebagai saksi di mahkamah kerana takut. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kerana pembaca dapat menyedari bahawa perbuatan Sister Felicia yang menyorokkan kebenaran akan membawa kesan yang lebih teruk kepada mangsa.



Peristiwa Doktor Uwang dibedah untuk diselamatkan.

Doktor Uwang mengalami kecederaan teruk setelah melanggar tembok PRPK dan perlu menjalani pembedahan dengan segera. Dia tidak mahu dibedah di PRPK kerana sedar semua peralatan pembedahan dibeli khusus untuk pesakit golongan bawah dan pertengahan. Akhirnya Doktor Uwang mengetepikan egonya dan terpaksa menerima rawatan. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kerana perbuatan menganiaya orang lain akhirnya akan memakan diri sendiri juga.



Peristiwa Doktor Raiha menegur Felicia Landosi kerana bersikap kasar terhadap ibu Unong Siron.

Doktor Raiha memberikan teguran kepada Felicia Landosi supaya melayani dan merawat pesakit dengan adil. Felicia sering kali melayani pesakit yang bergelar Datin dengan penuh mesra sebaliknya melayan ibu Unong Siron yang merupakan golongan sederhana dengan kasar sehingga mendapat teguran daripada Doktor Raiha. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana kita perlu adil dalam memberikan layanan kepada semua orang tanpa mengira pangkat, darjat atau kekayaan.



Bimasakti Menari


Peristiwa pengunjung dari Hiroshima yang kecewa kerana tidak dapat melihat bintang.

Hal ini kerana langit di Kuala Selangor yang dulunya gelap kini tercemar dengan cahaya lampu akibat daripada pembangunan yang tidak terancang. Langit yang cerah akan menyukarkan pencerapan bintang di samping mengancam haiwan seperti kelip-kelip. Peristiwa ini memberikan keinsafan kerana langit tercemar adalah hasil perbuatan manusia yang tidak merancang pembangunan dan menikmati kemudahan dengan sebaiknya.



Peristiwa Tan Sri Muhaimin membantu Muhammad Taufik menyelesaikan masalah kekurangan populasi kelip-kelip di Kuala Selangor

Tan Sri Muhaimin telah membeli tanah yang menyusuri tepi anak sungai di Kampung Kuantan terus ke Kampung Api-api seluas 50 hektar. Muhammad Taufik telah memagar anak sungai supaya kelip-kelip ada tempat untuk bersembunyi. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kerana Muhammad Taufik begitu memelihara populasi kelip-kelip agar tidak pupus.



Peristiwa yang Menyentuh Perasaan (Pantai Kasih & Bimasakti Menari)

1. Peristiwa Raiha mempertahankan kandungannya

Kesanggupan Dr Raiha meneruskan kandungan walaupun telah disuruh oleh suaminya Dr Sadiz supaya menggugurkan kandungan tersebut setelah didapati cacat kerana akan menjatuhkan maruahnyanya sebagai seorang doktor pakar bedah otak. Peristiwa ini mampu menyentuh perasaan pembaca kerana kasih sayang seorang ibu yang tidak terhingga menyebabkannya tidak menggugurkan kandungannya walaupun setelah mengetahui kecacatan anak yang akan dilahirkannya.



Ibu Unong Siron yang sanggup menjaga anaknya Unong Siron sepanjang dirawat di Pusat Rawatan Pantai Kasih. Ibu Unong Siron sanggup tidur di atas lantai hospital tersebut semasa menjaga Unong Siron. Malah ibu Unong Siron juga berani mempersoalkan kewibawaan Dr. Uwang yang merawat anaknya sehingga perlu dibedah sebanyak 5 kali oleh Dr. Uwang dan duit pampasan insuran anaknya habis dibelanjakan untuk membiayai rawatan tersebut. Ini dapat menyentuh hati pembaca kerana sikap ibu Unong Siron yang sanggup berkorban demi kesejahteraan anaknya walaupun dihina oleh orang luar kerana mereka datang dari kawasan kampung.

2. Peristiwa pengorbanan ibu Unong Siron untuk merawat anaknya yang sakit



3. Peristiwa Raiha memaafkan Sister Felicia

Sister Felicia akhirnya memohon maaf daripada Raiha kerana dia menjadi budak suruhan membeli minyak petrol pada malam kematian anak perempuan Raiha iaitu Rohayu yang tiba-tiba muncul ketika Doktor Sadiz membakar kereta mewah mereka. Sister Felicia juga menyatakan bahawa dia tidak tampil di mahkamah sebagai saksi kerana takut. Raiha memaafkannya dengan menyatakan bahawa mereka ialah mangsa keadaan. Peristiwa ini menyentuh perasaan kerana saya kagum dengan ketabahan Raiha dalam menerima semua takdir itu dan memberikan kemaafan kepada orang yang terlibat dalam kematian anak kesayangannya.



Nurul Hafsa berusaha mengembalikan kegelapan di Kuala Selangor dengan merancang projek Kawasan Simpan Langit Gelap agar populasi kelip-kelip tidak pupus. Hal ini menyentuh perasaan kerana ada anak muda yang sedar akan masalah ini dan mengambil inisiatif untuk memulihkan semula tahap kecerahan langit.

4. Peristiwa kegigihan Nurul Hafsa melestarikan alam sekitar



5. Peristiwa kesanggupan Muhammad Taufik menyelamatkan Nurul Hafsa

Muhammad Taufik mempertaruhkan nyawanya demi menyelamatkan Nurul Hafsa yang diculik oleh orang suruhan Dato' Johann Arlington Majid. Hal ini menyentuh perasaan kerana Muhammad Taufik sanggup berkorban demi orang lain dan tidak menghiraukan keselamatan dirinya.



Peristiwa yang menunjukkan kasih sayang



1

Peristiwa Raiha yang enggan menggugurkan kandungannya

Doktor Sadiz telah memaksa Raiha untuk menggugurkan kandungannya apabila mengetahui bahawa janin dalam kandungan itu cacat. Hal ini menunjukkan kasih sayang Raiha terhadap kandungannya itu meskipun tidak sempurna.

Peristiwa Raiha yang sering terbayang-bayang peristiwa kematian anaknya

Dia berasa terkesan dengan kematian anak yang dijaganya dengan penuh kasih sayang selama ini akibat kebakaran. Hal ini jelas menunjukkan kasih sayang Raiha terhadap anaknya, Rohayu sehingga membuatnya sering terbayang akan anaknya itu.

2

3

Peristiwa Puan Wickham dan Tan Sri Muhaimin tidak pernah bermusuh tentang penjagaan Muhammad Taufik

Mereka sering memberikan sokongan kepadanya walaupun mereka telah bercerai supaya anaknya mendapat kasih sayang yang secukupnya. Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang terhadap seorang anak tidak terlerai meskipun mereka sudah berpisah.

Peristiwa Muhammad Taufik sanggup bertemu dengan penjenayah semata-mata kerana tidak mahu keselamatan Nurul Hafsa yang telah diculik terancam

Dia rela membahayakan keselamatannya sendiri demi menyelamatkan Nurul Hafsa. Peristiwa ini mempamerkan kasih sayang yang terjalin antara Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa sebagai sahabat.

4



Peristiwa yang Memaparkan Kegigihan (Novel Pantai Kasih & Bina Sakti Menari)




Peristiwa kegigihan Raiha dalam mencapai cita-citanya

Raiha tetap gigih dan belajar dengan tekun untuk mencapai cita-citanya sebagai pakar bedah walaupun mendapat tentangan daripada ayahnya. Bagi ayahnya, kerjaya sebagai doktor bedah tidak sesuai untuk wanita kerana memerlukan penelitian dalam menjalankan tugas. Hal ini memaparkan kegigihan Raiha untuk berusaha bersungguh-sungguh demi mencapai cita-citanya walaupun mendapat tentangan daripada ayahnya.

Peristiwa Dr Uwang gigih membangunkan pusat rawatan

Dr Uwang gigih membangunkan Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK) daripada sebuah pusat rawatan yang kecil sehingga menjadi sebuah pusat rawatan swasta yang eksklusif. Hal ini menunjukkan Dr Uwang mencuba dengan gigih untuk memajukan bisnes dia untuk berjaya.



Peristiwa kegigihan Dr Raiha merawat pesakit-pesakit.

Dr Raiha gigih merawat Unong Siron dengan meneliti Sinar-X tulang sendi pinggul Unong Siron beberapa kali untuk memastikan pembedahan yang akan dilakukannya ke atas Unong Siron kali keenam itu akan berjaya. Dr Raiha juga datang ke hospital semula pada waktu malam untuk melihat keadaan Unong Siron setelah selesai pembedahan. Peristiwa ini memaparkan kegigihan kerana menunjukkan kesungguhan untuk merawat pesakitnya hingga pesakitnya kembali pulih.

Peristiwa kegigihan anak muda dalam memulihkan populasi kelip-kelip

Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman telah bersatu hati dalam berjuang untuk melestarikan alam sekitar. Mereka cuba memulihkan populasi kelip-kelip dan mengembalikan kegelapan langit di Kuala Selangor sebagai kawasan mencerap bintang. Misalnya, Muhammad Taufiq memagar anak sungai supaya kelip-kelip mempunyai tempat untuk bersembunyi. Hal ini menunjukkan sifat kegigihan kerana mereka gigih untuk mengembalikan populasi kelip-kelip dan kegemilangan Kuala Selangor sebagai pusat kajian falak yang terkenal.



Peristiwa Nurul Hafsa gigih mendapatkan sokongan kerajaan terhadap projek yang dijalankan

Nurul Hafsa berusaha mendapatkan sokongan kerajaan terhadap projek Kawasan Simpan Langit Gelap yang pertama di Asia Tenggara. Nurul Hafsa membentangkan rancangan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di hadapan Menteri Besar. Hasil kegigihan Nurul Hafsa telah berjaya mendapatkan sokongan Menteri Besar dalam melaksanakan projek tersebut. Hal ini memaparkan kegigihan kerana menunjukkan kesungguhan Nurul Hafsa dalam menjayakan Kawasan Simpan Langit Gelap.



PERISTIWA YANG MEMBANGKITKAN SEMANGAT KEPADA PEMBACA

PANTAI KASIH DAN BIMA SAKTI MENARI

Peristiwa yang membangkitkan semangat dalam novel ini ialah peristiwa Doktor Raiha berani dalam mempertikaikan tindakan Doktor Uwang yang telah menjalankan pembedahan penggantian sendi pinggul sebanyak lima kali terhadap Unong Siron. Hal ini tentunya tidak patut dilakukan sebagai seorang doktor kerana tindakan tersebut boleh menyebabkan kesakitan mental dan fizikal kepada pesakit. Peristiwa ini dapat membangkitkan semangat kepada pembaca agar pembaca bersikap berani dan tegas dalam mempertahankan pendapat walaupun dengan pihak atasan atau majikan.



Peristiwa yang membangkitkan semangat kepada para pembaca adalah apabila Doktor Raiha berani membantah arahan Doktor Sadiz untuk menggugurkan kandungannya. Doktor Sadiz tekad menyuruh Doktor Raiha menggugurkan kandungannya kerana kehadiran bayi itu tidak diestuai dan keadaan fizikal bayi tersebut yang cacat. Peristiwa ini membangkitkan semangat kepada para pembaca kerana sifat tegas Doktor Raiha yang mengekalkan kandungannya kerana dia merasakan bayi tersebut mempunyai hak untuk hidup.



Peristiwa yang membangkitkan semangat kepada para pembaca dalam novel ini ialah peristiwa di mana Nurul Hafsa dan Budiman gigih serta tidak berputus asa dalam mencari dan mengumpul data-data tentang kepupusan kelip-kelip. Nurul Hafsa dan Budiman sanggup duduk di jeti menunggu kumpulan kelip-kelip untuk mengambil foto setiap kali ternampak kelip kelip dalam masa 10 minit hingga larut malam tanpa Muhammad Taufik kerana Muhammad Taufik dimasukkan ke hospital. Hal ini dilakukan untuk menunaikan janji dan menjaga integriti data yang akan dipersembahkan dalam kerja-kerja mereka. Peristiwa ini membangkitkan semangat kepada para pembaca untuk gigih dalam melakukan sesuatu tugas dengan sempurna walaupun terpaksa menghadapi kesusahan demi mendapatkan bukti-bukti yang sahih.



Peristiwa yang membangkitkan semangat pembaca ialah Muhamad Taufik yang menyelamatkan Nurul Hafsa dengan merelakan diri diculik di sebuah stesen minyak semasa perjalanan ke lapangan terbang. Hal ini menunjukkan semangat setia kawan yang ada terhadap Muhamad Taufik sehingga sanggup mengorbankan diri demi menyelamatkan Nurul Hafsa. Oleh itu, jelaslah peristiwa ini akan membangkitkan semangat pembaca untuk menjadi berani dalam mempertahankan nyawa insan yang tersayang.



Peristiwa yang membangkitkan semangat pembaca ialah Nurul Hafsa yang petah berkata-kata semasa membentangkan Projek Kawasan Simpan Langit Gelap di hadapan Menteri Besar, ahli akademik, ahli perniagaan dan orang awam di bangunan SUK Shah Alam. Kesungguhannya menyuarkan idea bagi menyelesaikan masalah di Kuala Selangor itu menunjukkan semangat dalam dirinya. Secara tidak langsung, peristiwa ini akan membangkitkan semangat pembaca untuk gigih dalam menyuarkan pendapat bagi mencapai matlamat yang ingin dicapai.



PERISTIWA YANG MENJENGKELKAN PARA PEMBACA

Aisyah 501, Abdul Razak 506, Ahmad Rizq 515

NOVEL PANTAI KASIH

#Peristiwa Sister Felicia Landosi mengambil ubat batuk .

Sister Felicia Landosi mengambil ubat batuk sebagai penawar bagi kelukaan hatinya. Hal ini demikian kerana dia teringat kembali zamannya ketika menjadi pelajar dalam bidang jururawatan dahulu.

Peristiwa ini menjengkelkan pembaca kerana sebagai seorang jururawat dia tidak sepatutnya mengambil ubat batuk selain daripada kegunaan kesihatan kerana perkara ini boleh mendatangkan kemudaratan terhadap dirinya.




#Peristiwa doktor Uwang mewakili masyarakat yang masih berfoya-foya walaupun sudah berumah tangga.

Doktor Uwang seorang yang suka hidup bebas dan tidak mahu dikongkong. Walaupun sudah berumah tangga, dia tetap mengunjungi kelab-kelab malam dan minum arak bersama gadis pelayan dan kemudiannya berakhir ke ranjang. Peristiwa ini menjengkelkan pembaca kerana sebagai seorang suami, dia sepatutnya bersama isterinya sahaja dan tidak melayani perempuan lain yang boleh menimbulkan fitnah.

#Peristiwa Doktor Sadiz menyuruh Doktor Raiha menggugurkan kandungannya.

Selepas Doktor Sadiz mengetahui keadaan anaknya yang menghidapi down syndrome, dia meminta isterinya menggugurkan kandungannya tetapi Raiha tetap mahu melahirkan anaknya tersebut.

Peristiwa ini menjengkelkan pembaca kerana Doktor Sadiz mementingkan dirinya sendiri dan tidak langsung memikirkan anaknya dan keinginan isterinya.



BIMASAKTI MENARI

Peristiwa Dato' Johann Arlington-Majid mendendami Tan Sri Muhaimin kerana lelaki itu mengahwini wanita yang dicintainya iaitu Maryam/Marion Wickham Abdullah.



Perasaan dendam ini semakin membara apabila dia mendapati bahawa Tan Sri Muhaimin memasuki tender menyediakan lampu mesra alam untuk menerangi Kuala Selangor. Dia mengupah 3 orang tonto untuk menyulik Nurul Hafsa dan menyerang Muhammad Taufik.

Peristiwa ini menjengkelkan pembaca kerana Dato' Johan tidak sepatutnya melibatkan Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik dalam masalah peribadinya.

#Peristiwa Dato' Johann Arlington-Majid mengganggu sesi pembentangan Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik

Dato Johann Arlington-Majid tetap hadir dalam sesi pembentangan terbuka projek yang diusahakan Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik. Namun kehadirannya, bukan untuk memberi sokongan malah untuk mengganggu dan membuat kecoh. Peristiwa ini menjengkelkan pembaca kerana Dato Johann Arlington-Majid mempunyai sifat iri hati dan dendam kesumat terhadap idea projek Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik.



Pantai Kasih & Bima Sakti Menari

NOVEL TINGKATAN 4 DAN 5

Peristiwa yang menunjukkan nilai kerjasama



Peristiwa Dr. Uwang bekerjasama membangunkan PRPK

Dr. Uwang bekerjasama dengan seluruh kakitangannya untuk membangunkan Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK) sebagai sebuah hospital swasta yang terkenal. Hasil kerjasama Dr. Uwang dengan seluruh kakitangannya itu, PRPK yang asalnya sebesar kandang kambing telah menjadi sebuah pusat rawatan swasta yang eksklusif sehingga menjadi tempat pelbagai lapisan masyarakat mendapatkan rawatan di situ.

Peristiwa bekerjasama dalam menjayakan Projek Kawasan Simpan Langit Gelap

Peristiwa kerjasama ini dapat dilihat melalui Nurul Hafsa, Muhammad taufik dan Budiman bekerjasama untuk mengembalikan semula kegelapan di Kuala Selangor melalui Projek Kawasan Simpan Langit Gelap agar bintang-bintang dapat dilihat semula dan populasi kelip-kelip tidak pupus kerana kedua-dua kekuatan tersebut dapat menjadikan Kuala Selangor sebagai destinasi pelancongan. Peristiwa ini menunjukkan bahawa kita perlu bekerjasama melestarikan alam sekitar agar keindahanya dapat dikekalkan.



Peristiwa Dr. Raiha bekerjasama dengan ibu Unong Siron

Peristiwa Dr. Raiha bekerjasama dengan ibu Unong Siron untuk menenangkan keadaan apabila seorang pemuda mencero boh PRPK dan menjadikan Felicia Landosi sebagai tawanan. Hasil kerjasama tersebut, Felicia Landosi berjaya dilepaskan setelah ibu Unong Siron berjaya memujuk pemuda yang dikenalnya dengan idea yang bijak. Ia jelas menunjukkan bahawa nilai kerjasama sangat penting dalam kehidupan seharian.

Peristiwa Tan Sri Muhaimin bekerjasama dengan pihak polis

Peristiwa Tan Sri Muhaimin yang telah bekerjasama dengan pihak polis untuk mencari jalan penyelesaian dalam kes penculikan anaknya Muhammad Taufik. Hasil kerjasama tersebut, kumpulan penculik dapat ditewaskan dan Muhammad Taufik dapat dibebaskan. Kita hendaklah bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk menyelesaikan aktiviti jenayah agar keamanan dapat dikekalkan.



Peristiwa kerjasama antara Doktor Raiha dan Doktor Alex Ng

Peristiwa Doktor Raiha dan Doktor Alex Ng bekerjasama dalam menjalankan pembedahan kecemasan terhadap Doktor Uwang yang kritikal setelah terlibat dalam kemalangan. Kerjasama itu sangat penting kerana ia dapat membantu Unong Siron yang sakit. Kita mestilah bekerjasama dalam menjalankan tugas kerana ia akan membuahkan hasil yang lebih baik.



TUGASAN NOVEL



Peristiwa Yang Menunjukkan Nilai Ketabahan

Peristiwa Raiha menghadapi kematian anak kesayangan.

Anak Doktor Raiha, iaitu Rohayu terlibat dalam kemalangan kereta yang dirancang oleh suaminya sendiri, Doktor Sadiz. Peristiwa ini menunjukkan ketabahan Doktor Raiha dalam menerima kematian Rohayu dengan reda dan menganggap bahawa itu ialah takdir Allah.

Peristiwa Raiha mendapat tentangan daripada ayahnya.

Raiha tetap tabah mendapat tentangan daripada ayahnya untuk menjadi seorang pakar bedah. Raiha terus tabah dan belajar bersungguh - sungguh sehingga berjaya menjadi seorang pakar besar di Pusat Rawatan Pantai Kasih.

Peristiwa Unong Siron menghadapi penyakit yang masih belum dapat diubati

Unong Siron iaitu pesakit di Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK) tabah menjalani pembedahan bagi penyakit sendi tulang pinggul walaupun setelah enam kali dibedah oleh doktor di pusat rawatan itu. Pembedahan kali ke-6 yang dikendalikan oleh Doktor Raiha akhirnya berjaya.

Peristiwa Nurul Hafsa dan Muhammad Taufiq mengembalikan kegelapan di Kuala Selangor untuk pencerapan bintang.

Nurul Hafsa dan Muhammad Taufiq tabah dalam menjalankan projek mereka iaitu Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor walaupun usaha mereka berhadapan dengan cabaran dan ancaman Dato' Johann Arlington-Majid.

Peristiwa Nurul Hafsa diculik oleh orang - orang Dato' Johann Arlington

Nurul Hafsa diculik oleh orang - orang Dato' Johann Arlington kerana usahanya untuk mewujudkan Kawasan Simpan Langit Gelap (KSLG) di Kuala Selangor bagi pencerapan bintang seterusnya mengganggu perniagaan Dato' Johann Arlington. Hal ini menunjukkan ketabahan Nurul Hafsa dalam meneruskan usaha Kawasan Simpan Langit Gelap walaupun diculik.

Peristiwa Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik mewujudkan Kawasan Simpanan Langit Gelap (KLSG)

Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik tabah menghadapi cabaran dan dugaan dalam usaha mereka mewujudkan Kawasan Simpan Langit Gelap (KSLG) di Kuala Selangor bagi pencerapan bintang dan menjaga habitat kelip-kelip

Peristiwa yang menimbulkan kesedihan (Pantai Kasih dan BimaSakti Menari)



Peristiwa anak Raiha, Ayu rentung didalam kereta Doktor Sadiz

Pada malam kejadian, anak Raiha disambar oleh api akibat rasa marah Doktor Sadiz terhadap Raiha yang membawa lari anak 'orang Mongolia' itu apatah lagi kereta mewahnya turut dibawa tanpa izin dan pengetahuannya.

Peristiwa ibu Unong Siron menjaga anaknya

Ibu Unong Siron sanggup tidur di atas lantai Pusat Rawatan Pantai Kasih demi menjaga Unong Siron yang menjalani pembedahan oleh Dr Uwang. Duit pampasan insuran anaknya juga habis dibelanjakan untuk membiayai rawatan tersebut.



Peristiwa Raiha disuruh oleh Dr Sadiz untuk menggugurkan kandungannya



Walaupun telah disuruh oleh suaminya, Dr Sadiz supaya menggugurkan kandungan tersebut setelah didapati cacat kerana ia akan menjatuhkan maruah suaminya sebagai seorang doktor pakar bedah otak, namun Raiha tetap mahu melahirkan anak tersebut.

Peristiwa Muhammad Taufik mempertaruhkan nyawanya

Muhammad Taufik mempertaruhkan nyawanya demi menyelamatkan Nurul Hafsa yang diculik oleh orang suruhan Dato' Johann Arlington-Majid. Muhammad Taufik sanggup berjumpa dengan penculik di sebuah stesen minyak Petronas untuk memastikan Nurul Hafsa dapat diselamatkan.



Peristiwa Haji Yassir menangis setelah bertemu Nurul Hafsa



Setelah Nurul Hafsa diselamatkan daripada penculik upahan Dato' Johann Arlington-Majid, Haji Yassir menangis apabila melihat Nurul Hafsa selamat.

Peristiwa Puan Wickham bercerai dengan Tan Sri Muhaimin

Tan Sri Muhaimin terpaksa melepaskan isterinya kerana terdapat berbeza pendapat dan mereka mempunyai haluan masing-masing. Muhamad Taufik juga kurang mendapat perhatian daripada ibu bapanya.



Peristiwa yang menimbulkan perasaan gembira

| SUHANA 501 | AIMAN 506 | NUR NAJEHAH 515 |

01 Peristiwa Raiha menjalankan pembedahan terhadap Unong Siron untuk kali yang keenam

Raiha bertanggungjawab untuk menjadikan pembedahan Unong Siron sebagai pembedahan yang terakhir kerana Raiha mahu kesakitan dan penderitaan yang dialami oleh remaja itu berakhir dengan segera. Hal ini menimbulkan kegembiraan kerana Unong Siron bakal menjalani kehidupannya seperti sedia kala dek inisiatif Raiha yang ingin mengambil kes Unong Siron.



02 Peristiwa Sister Felicia meminta maaf kepada Doktor Raiha

Ketika di garaj kereta PRPK, Sister Felicia menangis dan meminta maaf kepada Doktor Raiha. Dia mengaku bersubahat dengan Doktor Sadiz yang menyebabkan kematian Rohayu. Walaubagaimanapun, Doktor Raiha reda dan tetap memaafkan Sister Felicia. Hal ini menimbulkan kegembiraan kerana Sister Felicia insaf dan sedar akan kesilapannya terhadap Doktor Raiha.



03 Peristiwa Muhammad Taufik melamar Nurul Hafsa

Muhammad Taufik menegur Nurul Hafsa setelah selesai majlis perkahwinan buat kali kedua Tan Sri Muhaimin dan bekas isterinya. Muhammad Taufik memulangkan selendang kepunyaan Nurul Hafsa lalu meminta sesuatu daripada gadis itu. Rupa-rupanya, Muhammad Taufik melamar Nurul Hafsa. Hal ini mendatangkan kegembiraan kerana akhirnya mereka akan disatukan melalui sebuah ikatan yang sah setelah melalui pelbagai kesusahan bersama.



04 Peristiwa Nurul Hafsa menyelamatkan Muhammad Taufik

Selepas Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik diculik oleh penjenayah yang menaiki van putih, Nurul Hafsa berjaya membuka ikatan dan meloloskan diri. Kemudian, dia membuat laporan polis dan Pasukan Gerak Khas yang datang menyelamatkan Muhammad Taufik berjaya menumpaskan penjenayah. Hal ini menimbulkan rasa gembira kerana Muhammad Taufik selamat disebabkan tindakan Nurul Hafsa.

05 Peristiwa Dato' Haji Mustafa menunjukkan minat mendalam terhadap projek Kawasan Simpan Langit Gelap

Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik telah berusaha mendapatkan sokongan pegawai daerah dengan membentangkan idea projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Pejabat Daerah Kuala Selangor. Hal ini menimbulkan kegembiraan kerana akhirnya usaha keras Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik mendapat sambutan yang baik daripada Dato' Haji Mustafa.



Peristiwa yang menunjukkan kepicangan dalam kalangan masyarakat (Pantai Kasih dan Bima Sakti Menari)

Hazim Waiz 506, Hazim Zafran 501, Danish Fikry 515

01

Kepicangan masyarakat yang mementingkan keuntungan.

Doktor Uwang memikirkan keuntungan yang berlipat ganda selepas mengambil alih Pusat Rawatan Pantai Kasih daripada ayahnya Datu Untong. Dia tidak menghiraukan sama ada pesakit yang mendapatkan rawatan di pusat rawatannya itu mampu atau tidak asalkan dia mendapat keuntungan dengan meletakkan harga yang dirasakan munasabah untuknya.



02

Kepicangan masyarakat yang takut berterus terang



Sister Felicia Londusi tidak berterus terang dengan Raiha tentang kemalangan yang berlaku sehingga meragut nyawa anak perempuan Raiha iaitu Rohayu kerana berasa takut. Felicia tahu bahawa Doktor Sadiz yang menyiram minyak petrol ke atas kereta mewah Porsche milik Dr Sadiz sendiri akibat rasa marah terhadap Raiha yang membawa lari Rohayu dari rumah agamnya.

03

Kepicangan masyarakat yang ego.

Doktor Sadiz menyalahkan Raiha atas kematian anak perempuan mereka. Doktor Sadiz menganggap Raiha bertanggungjawab sepenuhnya atas kematian tersebut sedangkan kemalangan tersebut adalah disebabkan sifat marahnya yang sanggup membakar kereta mewah miliknya sendiri dengan menyiram minyak petrol sehingga menyebabkan anak perempuan mereka yang kebetulan berada di situ disambar api tersebut.



04

Kepicangan masyarakat yang tidak menghargai alam sekitar.



Nurul Hafsa yang melalui hari pertamanya bekerja sebagai Pegawai Sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Selangor berasa kecewa apabila tidak dapat memenuhi hasrat sekumpulan pengunjung yang terdiri daripada kumpulan murid dan guru pengiring dari Sekolah Rendah Kichihimahigashi, Hiroshima hadir ke balai cerap tersebut untuk melihat buruj Orion atau buruj Belantik dengan mata kasar, tanpa sebarang bantuan alat pencerap. Langit pada malam tersebut yang sepatutnya telah benar-benar gelap tetap cerah. Nurul Hafsa dengan berani telah mengakui kekurangan yang berlaku pada malam tersebut berpunca daripada kesan negatif akibat pembangunan pesat yang berlaku di Kuala Selangor. Nurul Hafsa berazam untuk menyelamatkan Kuala Selangor daripada pencemaran akibat pembangunan yang tidak terancang dengan merancang projek Kawasan Simpan Langit Gelap. Dia dibantu oleh Muhammad Taufik dan mendapat sokongan pegawai daerah Kuala Selangor, Dato' Mustafa.

05

Kepicangan masyarakat yang mementingkan keuntungan.

Johann Arlington-Majid marah dengan berita daripada Pegawai Daerah Kuala Selangor, bahawa Menteri Besar berminat terhadap idea projek Kawasan Simpan Langit Gelap, yang diusulkan oleh Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik. Hal itu bermakna dia tidak dapat meneruskan penguasaan tender membekalkan lampu-lampu daripada syarikat miliknya. Johann merupakan ahli perniagaan yang hanya mementingkan kekayaan. Bagi memastikan dia dapat meneruskan operasi syarikatnya demi keuntungan peribadi, Johann telah mengupah konco-konconya untuk mengawasi pergerakan Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik bagi memastikan projek Kawasan Simpan Langit Gelap tersebut tidak dapat dilaksanakan.





Peristiwa yang menimbulkan unsur **suspens**

Pantai Kasih:

1. Antara peristiwa yang mencetuskan suspens ialah peristiwa Felicia Landosi telah ditahan oleh seorang pemuda yang menyamar sebagai doktor di bilik bedah. Alasannya, pembaca tertanya-tanya tentang siapakah pemuda yang menahan Felicia di bilik bedah sehingga menyebabkan pekerja di pusat rawatan itu berasa terkejut dan risau.



2. Peristiwa ketika naluri Doktor Raiha menyatakan bahawa ada sesuatu yang tidak kena pada filem sinar-x pesakit bernama Unong Siron yang menghadapi komplikasi berulang kali sedangkan lima pembedahan terdahulu dilakukan oleh Doktor Uwang sendiri. Pembaca berasa suspens atau tertanya-tanya siapa sebenarnya pesakit bernama Unong Siron dan sebab dia terpaksa dibedah sebanyak enam kali di tempat yang sama.



3. Peristiwa Felicia Landosi, Doktor Uwang serta Doktor Sadiz yang sering dihantui oleh kelibat seorang kanak-kanak perempuan di mana-mana sahaja mereka berada. Ada kemungkinan bahawa hal ini disebabkan oleh dosa-dosa silam yang pernah mereka lakukan terhadap kanak-kanak tersebut. Alasannya, pembaca tertanya-tanya siapa kelibat bayang kanak-kanak kecil itu dan apakah dosa silam yang pernah mereka lakukan.

2. Peristiwa Muhammad Taufik menerima hadiah berupa jambangan bunga yang disangkannya daripada Nurul Hafsa. Namun, apabila melihat hadiah tersebut yang diikat dengan sehelai kain selendang berhias manik-manik kristal milik Nurul Hafsa, muka Muhammad Taufik menjadi pucat kerana Nurul Hafsa tentu dalam bahaya. Pembaca berasa suspens atau tertanya-tanya keadaan keselamatan dan lokasi Nurul Hafsa pada masa itu serta tindakan yang akan diambil oleh Muhammad Taufik.



Bima Sakti Menari:

1. Peristiwa pengemudi bot sukar memenuhi permintaan Nurul Hafsa yang gagal melihat kerlipan kelip-kelip secara sinkronasi agar mereka menyusur cabang sungai dan mendekati mulut anak sungai yang gelap milik individu serta menjadi kawasan larangan. Pembaca berasa suspens atau tertanya-tanya akan sebab pengemudi bot tidak mahu mendekati anak sungai dan rahsia di sebalik mulut anak sungai yang gelap serta penuh misteri itu.



Peristiwa-peristiwa yang memberi teladan kepada pembaca

